



MALAYSIAN NATIONAL SOCIETY OF AUDIOLOGISTS
W505, WEST WING, METROPOLITAN SQUARE,
NO. 2, JALAN PJU 8/1,
DAMANSARA PERDANA, 47820,
SELANGOR DARUL EHSAN
FAX: 03-7493 5447

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: MANSAN/Adm (18) Bil. 6

Tarikh : 1 November 2018

WAKIL SYARIKAT & HOSPITAL SWASTA

Yang Berbahagia Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SESI DIALOG BERSAMA JAWATANKUASA TEKNIKAL AUDIOLOGI KKM ANJURAN PERSATUAN AUDIOLOGIS KEBANGSAAN MALAYSIA (MANSAN)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Audiologis Kebangsaan Malaysia (MANSAN) akan menganjurkan sesi dialog bersama Jawatankuasa Teknikal Audiologi KKM. Ini adalah sebagai salah satu usaha MANSAN bagi membantu syarikat-syarikat dan hospital-hospital swasta atau individu yang terlibat bagi memahami protokol KKM dengan lebih jelas khususnya yang melibatkan pembekalan dan rujukan kes-kes alat bantuan pendengaran kepada hospital KKM.

3. Sesi dialog tersebut akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh	: 7 Disember 2018
Masa	: 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari
Tempat	: Bilik Persidangan Hospital Rehabilitasi Cheras
Jumlah tempat	: 40 orang sahaja (tempat adalah terhad)
Peserta	: Terbuka kepada semua syarikat dan hospital swasta yang berurusan dengan hospital KKM

4. Sesi dialog ini perlu dilaksanakan bagi mendapatkan input daripada kedua-dua belah pihak berkepentingan agar urusan diantara kedua belah pihak dapat dilaksanakan dengan lancar dan telus serta mengelakkan sebarang salah faham terhadap protokol KKM.

5. Sehubungan itu, pihak MANSAN ingin menjemput mana-mana wakil syarikat, hospital atau individu yang ingin menyertai sesi ini atau ingin **mengemukakan persoalan/pandangan/cadangan untuk mengisi pautan 'Google Form'** yang telah disertakan bersama dalam email selewat-lewatnya pada **23 November 2018**.

6. Untuk makluman Tuan/Puan, minum pagi dan makan tengahari akan disediakan. Namun pihak MANSAN ingin mengingatkan bahawa tempat yang disediakan adalah terhad. Oleh itu, adalah amat digalakkan bagi semua untuk membuat pengesahan kehadiran seawal mungkin.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini, sila hubungi Setiausaha MANSAN di email mansa.secretary@gmail.com. Kerjasama dan perhatian daripada pihak Tuan/Puan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

.....
TASNIM HAZIZAN

Setiausaha I

Persatuan Audiologis Kebangsaan Malaysia 2018/2019